

**LANGKAH CUKAI DI BAWAH  
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA  
(PENJANA)  
5 JUN 2020**

No.	Langkah Cukai
1	Lanjutan Penangguhan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan Bagi Industri Pelancongan
2	Potongan Cukai Atau Elaun Modal Untuk Pencegahan dan Perbelanjaan <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) Bagi COVID-19
3	Pengecualian Cukai Pendapatan Individu Ke Atas Peralatan ICT Yang Diterima Daripada Majikan Sebagai Perkuisit
4	Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Ke Atas Pembelian Telefon Bimbit, Komputer Dan Tablet
5	Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Untuk Perbelanjaan Perjalanan Domestik
6	Meningkatkan Had Pelepasan Cukai Pendapatan Bagi Yuran Yang Dibayar Kepada Taman Asuhan Kanak-Kanak Dan Taman Didikan Kanak-Kanak
7	Pengecualian Duti Setem Bagi Kempen Pemilikan Rumah
8	Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah Bagi Pelupusan Rumah Kediaman
9	Lanjutan Tempoh Galakan Cukai Bagi Kos Pengubahsuaian Dan Pembaharuan Premis Perniagaan
10	Lanjutan Tempoh Galakan Cukai Elaun Modal Dipercepatkan Ke Atas Perbelanjaan Modal Bagi Mesin Dan Peralatan Termasuk Peralatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)
11	Lanjutan Potongan Cukai Khas Bagi Pengurangan Sewa Premis Perniagaan Kepada Perusahaan Kecil Dan Sederhana
12	Rebat Cukai Bagi Penubuhan Entiti Baharu Perusahaan Kecil Dan Sederhana
13	Pengecualian Duti Setem Bagi Skim Percantuman Dan Pemerolehan

No.	Langkah Cukai
14	Galakan Cukai Bagi Syarikat Yang Memindahkan Operasi Ke Malaysia Dan Membuat Pelaburan Baharu
15	Galakan Elaun Pelaburan Semula Tambahan
16	Galakan Cukai Bagi Majikan Yang Melaksanakan Pengaturan Kerja Fleksibel ( <i>Flexible Work Arrangements</i> )
17	Kelonggaran Syarat Pematuhan Skim <i>PROTÉGÉ READY TO WORK</i>
18	Pembayaran Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan Oleh Orang Kena Cukai
19	Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Kereta Penumpang Pemasangan Tempatan Dan Import
20	Lanjutan Pengecualian Cukai Perkhidmatan Untuk Hotel
21	Pengecualian Cukai Pelancongan
22	Pengecualian Duti Eksport Ke Atas Minyak Sawit Mentah (CPO), Minyak Isirong Sawit Mentah (CPKO) Dan Minyak Isirong Sawit Yang Diproses (RBDPKO)

**LANJUTAN PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN CUKAI PENDAPATAN  
BAGI INDUSTRI PELANCONGAN**

**Kedudukan semasa**

Syarikat dikehendaki untuk mengemukakan anggaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran berikutnya tidak kurang 30 hari daripada tarikh bermulanya tahun taksiran baharu dan anggaran cukai tersebut hendaklah tidak kurang 85% daripada anggaran cukai tahunan sebelumnya.

Walau bagaimanapun, bayaran ansuran bulanan cukai pendapatan di bawah industri pelancongan, pengusaha hotel, ejen pelancongan dan syarikat penerbangan dibenarkan untuk ditangguhkan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

**Cadangan**

Perniagaan yang tertakluk kepada bayaran ansuran bulanan cukai pendapatan di bawah industri pelancongan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan diberikan lanjutan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar selama 3 bulan lagi mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020.

**POTONGAN CUKAI ATAU ELAUN MODAL UNTUK PENCEGAHAN DAN  
PERBELANJAAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE)  
BAGI COVID-19**

**Kedudukan Semasa**

Potongan cukai hanya dibenarkan ke atas perbelanjaan syarikat yang menyediakan Peralatan Perlindungan Diri (*Personal Protective Equipment-PPE*) seperti topi keselamatan, but keselamatan, jaket keselamatan, alat pelindung pendengaran, *goggles* dan sebagainya kepada pekerja tertakluk kepada perbelanjaan tersebut dibuat sepenuhnya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan perniagaan.

Potongan cukai atau elaun modal tersebut telah diberikan ke atas perbelanjaan pencegahan Covid-19 dan PPE bagi tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

**Cadangan**

Bagi menyediakan persekitaran kerja kepada pekerja dan ruang perniagaan yang selamat semasa dan pasca COVID-19, layanan potongan cukai atau elaun modal ke atas perbelanjaan berkaitan peralatan atau perkhidmatan ini akan dilanjutkan dan skop peralatan dan perbelanjaan diperluaskan untuk meliputi perbelanjaan saringan dan peralatan PPE lain yang berkaitan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Peluasan skop mulai 1 Mac 2020 dan pelanjutan tempoh mulai 1 Januari 2021.

## **PENGECCUALIAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERALATAN ICT YANG DITERIMA DARIPADA MAJIKAN SEBAGAI PERKUISIT**

### **Kedudukan semasa**

Pengecualian cukai pendapatan telah diberi kepada pekerja yang menerima pemberian (*gift*) komputer baharu atau pembayaran yuran langganan jalur lebar daripada majikan. Pengecualian ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010 dan dihadkan kepada satu unit bagi setiap pekerja. Selain itu, pengecualian juga diberi ke atas pemberian berupa *pager*, *Personal Digital Assistant*, telefon dan telefon mudah alih.

Perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan berkaitan dengan pemberian barangan seperti komputer atau bayaran yuran langganan jalur lebar tersebut dibenarkan potongan cukai.

### **Cadangan**

Pengecualian cukai pendapatan individu sehingga RM5,000 diberikan kepada pekerja yang menerima peralatan seperti telefon bimbit, *tablet* dan komputer riba daripada majikan sebagai menyokong norma baharu di dalam pekerjaan dalam pelaksanaan *flexible work arrangements* (FWA).

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2020.

**PELEPASAN KHAS CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PEMBELIAN  
TELEFON BIMBIT, KOMPUTER DAN *TABLET***

**Kedudukan semasa**

Mulai tahun taksiran 2017, pelepasan cukai pendapatan 'gaya hidup' sehingga RM2,500 disediakan kepada pembayar cukai individu ke atas perbelanjaan berikut:

- i. Pembelian bahan bacaan termasuk surat khabar harian bercetak;
- ii. Pembelian peralatan sukan;
- iii. Pembelian komputer, telefon bimbit dan tablet;
- iv. Langganan internet; dan
- v. Yuran keahlian gimnasium.

**Cadangan**

Sejajar dengan perubahan norma baharu dalam amalan bekerja dari rumah dan kaedah pembelajaran bagi para pelajar yang dibuat secara *virtual classroom*, pelepasan khas cukai pendapatan individu diberikan sebagai tambahan kepada pelepasan gaya hidup sedia ada tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Pelepasan sehingga RM2,500 diberikan ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan *tablet*; dan
- ii. Pembelian peralatan dibuat di dalam tempoh dari 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tahun taksiran 2020.

**PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU UNTUK PERBELANJAAN  
PERJALANAN DOMESTIK**

**Kedudukan Semasa**

Perbelanjaan melancong samada dalam atau luar negara tidak dibenarkan potongan dalam pengiraan cukai pendapatan individu.

Bagi membantu merencanakan industri pelancongan dalam negara yang terkesan akibat penularan COVID-19, pelepasan cukai individu sehingga RM1,000 telah diberikan ke atas perbelanjaan perjalanan domestik bagi tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020 tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. Perbelanjaan penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC);
- ii. Bayaran masuk ke pusat tarikan pelancong; dan
- iii. Perbelanjaan di atas dibuat dalam tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020.

**Cadangan**

Sebagai langkah berterusan untuk membantu industri pelancongan, pelepasan cukai pendapatan individu tersebut dilanjutkan bagi tempoh perbelanjaan sehingga 31 Disember 2020 bagi tahun taksiran 2020 dan dilanjutkan juga bagi tahun taksiran 2021.

**Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Tahun taksiran 2020: Bagi perbelanjaan yang dibuat dalam tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020; dan
- ii. Tahun taksiran 2021: Bagi perbelanjaan 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

**MENINGKATKAN HAD PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN BAGI YURAN YANG  
DIBAYAR KEPADA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DAN TAMAN DIDIKAN  
KANAK-KANAK**

**Kedudukan Semasa**

Mulai tahun taksiran 2020, had pelepasan cukai kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak yang berumur sehingga 6 tahun ke taman asuhan atau taman didikan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Kementerian Pendidikan Malaysia telah dinaikkan dari RM1,000 kepada RM2,000. Pelepasan ini boleh dituntut oleh salah seorang daripada ibu bapa kepada anak tersebut.

**Cadangan**

Bagi mengurangkan bebanan kewangan kepada ibu bapa ekoran daripada kesan pandemik Covid-19, had pelepasan cukai pendapatan di atas dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tahun taksiran 2020 dan 2021.



## PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI KEMPEN PEMILIKAN RUMAH

### Kedudukan Semasa

Kempen Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Campaign* (HOC) adalah kempen yang dilaksanakan oleh Kerajaan dengan kerjasama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sabah (SHAREDADA) dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA).

Melalui kempen ini, Kerajaan memberi pengecualian duti setem seperti berikut:

- i. Surat cara pindah milik bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta. Pengecualian duti setem diberikan terhad kepada RM1 juta pertama nilai rumah kediaman tersebut. Baki selebihnya adalah dikenakan pada kadar 3%; dan
- ii. Perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta.

Pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Perjanjian jual beli yang ditandatangani antara pembeli dan pemaju perumahan yang berdaftar dengan REHDA, SHAREDADA dan SHEDA antara 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019;
- ii. Diskaun sekurang-kurangnya 10% diberikan oleh pihak pemaju; dan
- iii. Pembeli adalah rakyat Malaysia.

### Cadangan

Bagi merancakkan semula pasaran hartanah dalam keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan, dicadangkan pengecualian duti setem bagi HOC diberikan semula tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Perjanjian jual beli yang ditandatangani antara pembeli dan pemaju perumahan yang berdaftar dengan REHDA, SHAREDADA dan SHEDA antara 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021;
- ii. Diskaun sekurang-kurangnya 10% diberikan oleh pihak pemaju; dan
- iii. Pembeli adalah rakyat Malaysia.

### Tarikh Kuat Kuasa

Perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021.

## PENGECUALIAN CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH BAGI PELUPUSAN RUMAH KEDIAMAN

### Kedudukan Semasa

Mulai 1 Januari 2019, kadar cukai keuntungan harta tanah (CKHT) bagi individu warganegara Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Pegangan	Individu Warganegara Malaysia
Dalam tempoh 3 tahun selepas tarikh pemerolehan	30%
Dalam tahun ke-4 selepas tarikh pemerolehan	20%
Dalam tahun ke-5 selepas tarikh pemerolehan	15%
Dalam tahun ke-6 selepas tarikh pemerolehan dan seterusnya	5%

Pengecualian CKHT telah diberikan ke atas keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup untuk individu warganegara Malaysia.

Mulai 1 Januari 2019, pengecualian CKHT telah diberikan kepada individu warganegara Malaysia yang melupuskan hartanah termasuk rumah kediaman kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik pada harga RM200,000 dan ke bawah pada tahun keenam dan seterusnya.

### Cadangan

Bagi merancakkan semula pasaran sekunder sektor hartanah, pengecualian CKHT akan diberikan kepada individu warganegara Malaysia yang mendapat keuntungan daripada pelupusan rumah kediaman. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Dihadkan bagi pelupusan 3 buah rumah kediaman sahaja dalam tempoh pengecualian; dan
- ii. Rumah kediaman yang dilupuskan bukan diperoleh melalui pemberian kasih sayang yang tidak tertakluk kepada kenaikan cukai keuntungan harta tanah di bawah Perenggan 3 (1)(b) dan Perenggan 12, Jadual 2, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang diterima dalam tempoh pengecualian.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi pelupusan mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2021.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI KOS PENGUBAHSUAIAN  
DAN PEMBAHARUAN PREMIS PERNIAGAAN**

**Kedudukan Semasa**

Potongan cukai ke atas perbelanjaan pengubahsuaian dan pembaharuan premis yang layak yang dilakukan terhadap kepada RM300,000 diberi bagi perbelanjaan yang layak yang dibuat dalam tempoh dari 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

**Cadangan**

Bagi terus membantu aliran tunai syarikat, galakan ini dilanjutkan untuk tempoh satu tahun lagi iaitu bagi perbelanjaan elaun modal pengubahsuaian dan pembaharuan yang dibuat sehingga 31 Disember 2021.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perbelanjaan modal yang layak dibuat dalam tempoh dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN  
KE ATAS PERBELANJAAN MODAL BAGI MESIN DAN PERALATAN  
TERMASUK PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)**

**Kedudukan Semasa**

Perbelanjaan modal ke atas mesin dan peralatan serta peralatan ICT yang dilakukan dalam tempoh mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 diberikan layanan Elaun Modal Dipercepatkan. Elaun ini boleh dituntut dalam tempoh 2 tahun seperti berikut:

- i. Elaun permulaan 20%; dan
- ii. Elaun tahunan 40%.

**Cadangan**

Bagi terus menggalakkan syarikat membuat pelaburan ke atas mesin dan peralatan termasuk peralatan ICT, elaun modal dipercepatkan akan dilanjutkan untuk tempoh satu tahun lagi iaitu sehingga 31 Disember 2021.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

**LANJUTAN POTONGAN CUKAI KHAS BAGI PENGURANGAN SEWA PREMIS  
PERNIAGAAN KEPADA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

**Kedudukan Semasa**

Pemilik bangunan atau ruang perniagaan yang memberikan pengurangan atau pelepasan sewa kepada penyewa premis perniagaan yang terdiri daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaftar dengan SME Corporation Malaysia diberi potongan cukai khas bersamaan dengan amaun pengurangan sewa tersebut bagi bulan April 2020 hingga Jun 2020. Potongan cukai khas ini diberikan tertakluk kepada syarat pengurangan sewa hendaklah sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa asal bagi tempoh tersebut.

**Cadangan**

Bagi membantu syarikat PKS mengurangkan kos operasi dan membantu aliran tunai syarikat, potongan cukai khas ini dilanjutkan untuk tempoh 3 bulan lagi sehingga September 2020.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi pengurangan sewa pada bulan Julai 2020 hingga September 2020.

**REBAT CUKAI BAGI PENUBUHAN ENTITI BAHARU  
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

**Kedudukan Semasa**

Syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dengan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta setahun dikenakan cukai pendapatan pada kadar 17% bagi RM600,000 pertama pendapatan bercukai dan selebihnya dikenakan pada kadar 24%.

**Cadangan**

Bagi merangsang aktiviti perniagaan pasca Covid-19, PKS baharu yang ditubuhkan diberi rebat cukai pendapatan sehingga RM20,000 bagi setiap tahun taksiran untuk tempoh 3 tahun taksiran pertama tertakluk kepada syarat berikut:

- i. PKS yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016;
- ii. Modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dengan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta setahun;
- iii. Amaun rebat yang layak dituntut PKS adalah bersamaan perbelanjaan modal atau perbelanjaan operasi yang dibuat dalam setiap tahun taksiran tertakluk kepada nilai maksimum RM20,000 setiap tahun taksiran;
- iv. Rebate cukai yang tidak digunakan pada tahun taksiran semasa tidak boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya untuk tujuan pengurangan cukai;
- v. Entiti baharu ini hendaklah menggunakan loji, peralatan dan fasiliti berasingan serta tidak dipindahkan daripada syarikat sedia ada ataupun syarikat berkaitan; dan
- vi. Lain-lain syarat yang akan ditetapkan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi PKS baharu yang ditubuhkan dan beroperasi mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI SURAT CARA BERKAITAN  
PERCANTUMAN DAN PEMEROLEHAN**

**Kedudukan Semasa**

Galakan cukai dalam bentuk pengecualian duti setem dan pengecualian cukai pendapatan telah disediakan ke atas sebarang percantuman dan pemerolehan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dijalankan antara 3 Julai 2012 hingga 2 Julai 2015 melalui P.U.(A) 285/2013 dan P.U.(A) 286/2013.

**Cadangan**

Bagi menggalakkan PKS meningkatkan daya saing melalui percantuman dan pemerolehan, pengecualian duti setem diberi ke atas surat cara yang disempurnakan berkaitan percantuman atau pemerolehan seperti berikut:

- i. Kontrak atau perjanjian bagi penjualan atau penyewaan harta (tanah, bangunan, jentera dan peralatan);
- ii. Surat cara pindah milik dan memorandum persefahaman;
- iii. Perjanjian pinjaman atau pembiayaan; dan
- iv. Perjanjian penyewaan yang pertama.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi percantuman atau pemerolehan yang diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mulai 1 Julai 2020 tetapi tidak lewat dari 30 Jun 2021 dan surat cara yang disempurnakan tidak lewat dari 31 Disember 2021.

## GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT YANG MEMINDAHKAN OPERASI KE MALAYSIA DAN MEMBUAT PELABURAN BAHARU

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang membuat aktiviti pelaburan di dalam produk/aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Taraf perintis dengan kadar pengecualian cukai pendapatan antara 70% hingga 100% bagi tempoh 5 atau 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan dengan kadar elaun 60% hingga 100% bagi tempoh 5 atau 10 tahun.

Syarikat yang membuat pelaburan bernilai tinggi boleh dipertimbangkan galakan cukai istimewa secara kes demi kes.

### Cadangan

Bagi terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik kepada pelabur asing dan juga syarikat sedia ada untuk membuat penempatan semula perniagaan atau aktiviti pengilangan mereka dari negara luar, dicadangkan supaya galakan cukai pendapatan diberikan seperti berikut:

PELABURAN HARTA MODAL	SYARIKAT BAHARU			SYARIKAT SEDIA ADA		
	GALAKAN	KADAR CUKAI PENDAPATAN	TEMPOH	GALAKAN	KADAR	TEMPOH
RM300 juta - RM500 juta	Kadar cukai istimewa	0%	10 tahun	Elaun Cukai Pelaburan	100%	5 tahun
RM500 juta dan ke atas	Kadar cukai istimewa	0%	15 tahun			

Syarat kelayakan:

- i. Pelaburan harta tetap baharu dilakukan dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh kelulusan galakan cukai;
- ii. Syarikat memindahkan operasi (*relocation*) ke dalam negara dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh kelulusan galakan cukai; dan
- iii. Terbuka kepada sektor pengilangan kecuali industri yang ditetapkan.



Bagi syarikat sedia ada yang memindahkan fasiliti pengilangan luar negara ke Malaysia, layak mendapat galakan elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi tempoh 5 tahun dengan pelaburan modal melebihi RM300 juta.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dari 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021.

## **GALAKAN ELAUN PELABURAN SEMULA TAMBAHAN**

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat yang membuat pelaburan semula bagi tujuan pembesaran, pemodenan, automasi atau pelbagaian layak kepada Elaun Pelaburan Semula (EPS) bagi tempoh 15 tahun berturut-turut bermula dari tahun taksiran EPS dituntut. Kadar tuntutan EPS adalah 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dan dibenarkan ditolak ke atas:

- i. 70% daripada pendapatan berkanun; atau
- ii. 100% ke atas pendapatan berkanun jika dalam tahun taksiran berkenaan syarikat mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Aktiviti yang layak adalah:

- i. Aktiviti pengilangan; dan
- ii. Aktiviti pertanian terpilih.

EPS Khas telah diberi melalui Bajet 2016 untuk pelaburan semula yang dibuat bagi tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018 bagi syarikat yang telah tamat tempoh EPS di bawah Jadual 7A, Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan pelaburan semula oleh syarikat sedia ada yang telah tamat tempoh kelayakan mendapat EPS atau EPS Khas sebelum ini, dicadangkan EPS Tambahan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak diberi ke atas pelaburan semula yang dilakukan dalam tempoh 3 tahun taksiran. Galakan ini diberi kepada semua projek pengilangan dan aktiviti pertanian terpilih seperti dalam Jadual 7A, Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan bagi tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022.

**GALAKAN CUKAI BAGI MAJIKAN YANG MELAKSANAKAN PENGATURAN  
KERJA FLEKSIBEL (*FLEXIBLE WORK ARRANGEMENTS*)**

**Kedudukan Semasa**

Galakan potongan cukai dua kali telah diberi kepada majikan yang melaksanakan atau membuat penambahbaikan pengaturan kerja fleksibel (*flexible work arrangements* – FWA) yang diperakukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016.

**Cadangan**

Sebagai menyokong usaha majikan melaksanakan atau membuat penambahbaikan FWA selaras dengan amalan baharu bekerja dari rumah, galakan potongan cukai dua kali akan diberi ke atas perbelanjaan yang layak seperti berikut:

- i. Fi konsultansi;
- ii. Pembangunan kapasiti bagi pengaturan kerja fleksibel termasuk kos latihan pekerja; dan
- iii. Kos perolehan perisian *virtual working environment*.

Perbelanjaan tersebut hendaklah ditentukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan jumlah amaun perbelanjaan tidak melebihi RM500,000 bagi setiap tahun taksiran. Tempoh perbelanjaan yang layak dilakukan adalah bagi 3 tahun taksiran berturut-turut.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2022.

## **KELONGGARAN SYARAT PEMATUHAN SKIM *PROTÉGÉ READY TO WORK***

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat yang melaksanakan skim *PROTÉGÉ READY TO WORK* (*PROTÉGÉ RTW*) yang diluluskan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bagi menyediakan latihan kepada graduan menganggur untuk tempoh 8 hingga 12 bulan secara berterusan. Bagi menggalakkan penyertaan lebih banyak syarikat menyertai skim ini, galakan potongan cukai tambahan disediakan ke atas perbelanjaan yang layak seperti elaun kepada pelatih serta latihan yang disediakan kepada pelatih *PROTÉGÉ RTW*.

### **Cadangan**

Selaras dengan matlamat membantu syarikat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan COVID 19, kelonggaran syarat tuntutan galakan bagi melaksanakan *PROTÉGÉ RTW* bagi bulan Mac 2020 hingga Mei 2020 diberikan bagi syarikat yang tidak tersenarai dalam perkhidmatan penting atau mempunyai alasan yang kukuh serta munasabah untuk menutup operasi sepanjang tempoh PKP di atas dan pembayaran elaun tidak dibuat pada masa tersebut. Kelulusan ini tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. Mendapat kelulusan daripada MEDAC; dan
- ii. Menggantikan tempoh berkenaan dengan tempoh masa sepertimana yang ditetapkan oleh MEDAC.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Mei 2020.

**PEMBAYARAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN  
OLEH ORANG KENA CUKAI**

**Kedudukan Semasa**

Penalti akan dikenakan jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas hari terakhir cukai jualan dan cukai perkhidmatan itu genap masa dan kena dibayar. Kadar penalti yang ditetapkan adalah seperti berikut:

<b>Tempoh lewat pembayaran cukai</b>	<b>Kadar penalti</b>
1 hingga 30 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	10%
31 hingga 60 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	Tambahan 15%
61 hingga 90 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	Tambahan 15%

Ekoran daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan aktiviti perniagaan dan pengilangan tidak dapat dijalankan seperti biasa, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah memberikan remisi penalti sepenuhnya bagi bayaran yang diterima sehingga 30 Jun 2020 ke atas kegagalan pembayaran cukai bagi tempoh bercukai bermula Januari 2020 hingga April 2020.

**Cadangan**

Bagi mengurangkan bebanan aliran tunai perniagaan, penalti ke atas kelewatan membuat pembayaran cukai jualan dan cukai perkhidmatan diberi pengurangan sebanyak 50% bagi 4 tempoh bercukai seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tempoh Bercukai Berakhir</b>	<b>Tarikh Akhir Membuat Pembayaran Tanpa Penalti</b>	<b>Tarikh Penalti Mula Dikenakan</b>
1.	31 Mei 2020	30 Jun 2020	1 Julai 2020
2.	30 Jun 2020	31 Julai 2020	1 Ogos 2020
3.	31 Julai 2020	31 Ogos 2020	1 September 2020
4.	31 Ogos 2020	30 September 2020	1 Oktober 2020

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Julai 2020.

**PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS KERETA PENUMPANG  
PEMASANGAN TEMPATAN DAN IMPORT**

**Kedudukan Semasa**

Kereta penumpang pemasangan tempatan (*Completely Knocked-Down* - CKD) dan kereta penumpang import (*Completely Built-Up* - CBU) termasuk *Multi-Purpose Vehicle* (MPV) dan *Sport-Utility Vehicle* (SUV) dikenakan cukai jualan pada kadar 10%.

**Cadangan**

Bagi membantu prestasi jualan kereta CKD dan CBU (termasuk MPV dan SUV) yang terjejas akibat pandemik Covid-19, dicadangkan:

- i. Pengecualian 100% ke atas cukai jualan yang dikenakan kepada kereta penumpang CKD; dan
- ii. Pengecualian 50% ke atas cukai jualan yang dikenakan kepada kereta penumpang CBU.

Pengecualian di atas tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Syarikat pemasangan kereta tempatan, syarikat francais pemasangan kereta tempatan, syarikat pemegang AP francais dan syarikat pemegang AP terbuka menyalurkan penjimatan cukai jualan sepenuhnya melalui pengurangan harga kereta penumpang kepada pembeli; dan
- ii. Mengemukakan senarai model/varian beserta cadangan harga jualan selepas pengecualian cukai untuk ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 15 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020.

**LANJUTAN PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS HOTEL**

**Kedudukan Semasa**

Perkhidmatan penginapan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan yang disediakan oleh pengendali premis penginapan termasuk hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, pangsapuri servis, rumah inapan dan mana-mana establismen lain yang diperuntukkan di bawah Kumpulan A, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah merupakan perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan.

Pengecualian dari membayar cukai perkhidmatan telah diberikan kepada mana-mana orang yang menginap atau memperolehi apa-apa perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh pengendali premis penginapan bagi tempoh dari 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020

**Cadangan**

Bagi terus membantu industri pelancongan ekoran daripada penularan pandemik COVID-19, pengecualian dari membayar cukai perkhidmatan tersebut dilanjutkan bagi tempoh dari 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021.

Selaras dengan ini, pengendali premis penginapan diberi pengecualian dari mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan yang disediakan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021.

## **PENGECUALIAN CUKAI PELANCONGAN**

### **Kedudukan Semasa**

Cukai pelancongan merupakan cukai yang dikenakan ke atas pelancong yang menginap di premis penginapan yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017. Kadar cukai pelancongan adalah pada kadar rata RM10/bilik/malam. Pelancong warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia dikecualikan daripada kenaaan cukai pelancongan.

### **Cadangan**

Pengecualian cukai pelancongan diberi ke atas warganegara asing yang menginap di premis penginapan yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 selaras dengan Seksyen 9(2), Akta Cukai Pelancongan 2017.

### **Tarikh Kuatkuasa**

Bagi tempoh penginapan mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.



## PENGECUALIAN DUTI EKSPORT MINYAK SAWIT MENTAH, MINYAK ISIRONG SAWIT MENTAH DAN MINYAK ISIRONG SAWIT YANG DIPROSES

### Kedudukan Semasa

Kadar duti eksport Minyak Sawit Mentah (*Crude Palm Oil* - CPO) diwartakan di bawah Perintah Duti Kastam 2017 adalah di antara 0% hingga 30%. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2020, pengecualian duti eksport sebahagian ke atas CPO telah diberikan selaras dengan kajian semula struktur duti eksport CPO. Syarikat yang mengeksport CPO dikenakan kadar duti eksport pada kadar seperti berikut:

### Kadar Duti Eksport Yang Dikenakan Ke Atas CPO Di Bawah Kod Tarif 1511.10.0000

Harga Eksport CPO (FOB RM/Tan)	Kadar Duti Eksport Baharu (%) Berkuatkuasa Mulai 1 Januari 2020 (%)
< RM2,250.00	NIL
RM2,250 – RM2,400	3
RM2,401 – RM2,550	4.5
RM2,551 – RM2,700	5.0
RM2,701 – RM2,850	5.5
RM2,851 – RM3,000	6.0
RM3,001 – RM3,150	6.5
RM3,151 – RM3,300	7.0
RM3,301 – RM3,450	7.5
> RM3,450.00	8.0

Syarikat yang mengeksport Minyak Isirong Sawit Mentah (*Crude Palm Kernel Oil* - CPKO) dan Minyak Isirong Sawit Yang Diproses (*Refined Bleached Deodorised Palm Kernel Oil* - RBDPKO) pula dikenakan kadar duti eksport sebagaimana yang diwartakan di bawah Perintah Duti Kastam 2017 iaitu masing-masing pada kadar 10% dan 5%.

### Cadangan

Bagi memastikan sektor sawit terus berkembang dan berdaya saing, sekaligus mengimbangi lebihan stok minyak sawit di dalam negara, pengecualian penuh duti eksport diberikan kepada CPO, CPKO dan RBDPKO bagi tempoh 6 bulan.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.